

## BELIA DAN ISU JENAYAH MASA KINI DI MALAYSIA

JAMILAH AHMAD, NURZALI ISMAIL & NUR NASLIZA ARINA  
MOHAMAD NASIR

### ABSTRAK

*Golongan belia pada masa kini merupakan ahli penting dalam masyarakat kerana mereka merupakan aset yang berharga kepada negara. Maka, adalah penting untuk mendidik dan mempengaruhi generasi ini agar menjauhi perilaku jenayah kerana kebolehan, keupayaan dan keistimewaan generasi ini tidak akan sempurna dan berguna kepada negara jika akhlak dan peribadi mereka tidak dijaga dan dipelihara. Kajian ini bertujuan untuk memahami pengetahuan, sikap dan amalan belia terhadap isu jenayah di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif melalui tinjauan soal selidik dalam mendapatkan data daripada 1000 responden yang dikenal pasti. Hasil kajian mendapati, pengetahuan belia tentang isu jenayah di Malaysia adalah tinggi. Manakala, sikap dan amalan belia tentang isu jenayah pada masa kini pula menunjukkan ia adalah baik dan positif. Dengan mengetahui pengetahuan, sikap dan amalan belia terhadap isu jenayah pada masa kini di Malaysia, ia akan memudahkan pihak berwajib mencari pendekatan terbaik dalam menyampaikan mesej jenayah. Mesej tersebut dapat dibentuk mengikut tahap pengetahuan, sikap dan amalan untuk memastikan penyampaian mesej dan maklumat yang efektif.*

**Kata Kunci:** *Belia, Jenayah, Pengetahuan, Sikap, Amalan*

### ABSTRACT

*Today's youths are an important members of the society as they are the country's valuable asset. It is therefore important to educate and influence this generation to stay away from criminal behavior because their ability, capability and specialty will not be perfect and useful to the nation if their morals and personalities are not protected and preserved. This study aims to understand the knowledge, attitudes and practices of youths on criminal issues in Malaysia. This study uses quantitative research method through questionnaire in obtaining data from 1000 identified respondents. The findings show that the respondents' knowledge about criminal issues in Malaysia is high. Meanwhile, youth attitudes and practices on the current criminal issues indicate that it is good and positive. By knowing the youth's knowledge, attitudes and practices regarding crime issues in Malaysia, it will facilitate the authorities to find the best approach in delivering crime prevention related message. Such messages can be tailored according to the youths' level of knowledge, attitudes and practices in order to ensure an effective messages and information delivery.*

**Keywords:** *Youths, Crime, Knowledge, Attitude, Practice*

## PENGENALAN

Belia di Malaysia ditakrifkan sebagai individu yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Namun, menurut Menteri Belia dan Sukan, YB Brig Jen Khairy Jamaluddin, takrifan had umur belia sedia ada akan digantikan dengan takrifan yang baru iaitu merujuk belia sebagai individu yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun dan takrifan ini akan digunakan sepenuhnya bermula tahun 2018 (Dasar Belia Malaysia, 2015). Statistik oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2017) menunjukkan, jumlah belia di Malaysia yang berumur di antara 15 sehingga 29 tahun pada tahun 2016 adalah sebanyak 9.3 juta orang daripada keseluruhan 31.7 juta penduduk yang ada di Malaysia.

Golongan belia merupakan aset yang amat penting kepada negara kerana belia hari ini akan menentukan hala tuju negara pada masa akan datang (Mohd Najib, 2015). Golongan belia sering diberikan penekanan dan perhatian yang khusus oleh kerajaan dengan mengadakan pelbagai program dan aktiviti dalam usaha melahirkan golongan belia yang mempunyai kualiti kepimpinan yang baik di samping melengkapkan mereka dengan kemahiran, keusahawanan dan pengetahuan (Kameri Affandi, 2015). Pelbagai inisiatif pembangunan belia juga telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk menghargai dan menyerlahkan potensi golongan belia di samping sentiasa berusaha untuk memantapkan kualiti belia Malaysia dalam pelbagai aspek (Mohd Najib, 2015).

Namun, senario masa kini yang memperlihatkan kadar jenayah yang semakin meningkat dalam kalangan belia telah mencetuskan kebimbangan semua pihak. Saban hari kita dihidangkan dengan pelbagai berita jenayah sama ada jenayah jalanan, kekerasan atau jenayah yang melibatkan harta benda (Lee Lam Thye, 2016). Di antara jenayah yang banyak dilakukan oleh golongan belia adalah melibatkan penyalahgunaan dadah, salahlaku seksual, rasuah, samun, pecah rumah serta mencuri (Ramli Din, 2016; Mustafar Ali, 2016). Selain itu, menurut Lee Lam Thye (2015), statistik jenayah melibatkan pesalah juvenil termasuk yang masih bersekolah meningkat sebanyak 24.4 peratus dari Januari hingga Oktober 2014 berbanding tempoh sama tahun sebelumnya. Beliau juga memaklumkan, hasil siasatan mendapati, remaja seawal usia 12 tahun telah mula terjebak dengan pelbagai aktiviti jenayah ringan dan berat (Lee Lam Thye, 2015).

Utusan Malaysia (2016) melaporkan, terdapat pelbagai faktor yang boleh menyebabkan berlakunya jenayah di Malaysia. Di antara faktor-faktor tersebut adalah seperti kemiskinan dan kemerosotan ekonomi, masalah pengangguran, nilai-nilai sosial dan keluarga yang semakin rapuh, masalah penyalahgunaan dadah yang semakin meruncing, institusi kekeluargaan yang semakin berpecah serta ketidakseimbangan antara pembangunan ekonomi dengan moral dan nilai murni (Utusan Malaysia, 2016). Selain itu, penyalahgunaan dadah adalah merupakan faktor utama yang menyebabkan berlakunya pelbagai kes jenayah terutamanya melibatkan jenayah jalanan seperti ragut dan pecah rumah. Jika jenayah melibatkan

penyalahgunaan dadah ini gagal diatasi, maka akan lebih banyak kes-kes jenayah yang akan berlaku (Utusan Malaysia, 2016).

Dengan itu, semua pihak harus berganding bahu dalam bersama-sama menangani jenayah yang berlaku terutamanya jenayah yang melibatkan golongan belia. Menurut Lee Lam Thye (2016), jenayah harus ditangani dari pelbagai sudut dan semua pihak bertanggungjawab dalam bersama-sama membantu pihak berwajib untuk menangani masalah jenayah di negara ini. Beliau menegaskan, di pihak ibu bapa, mereka perlu bertanggungjawab dalam membesarkan anak-anak merangkumi aspek penjagaan keselamatan anak-anak di luar rumah dan juga di sekolah. Ibu bapa juga perlu mengambil tahu akan masalah yang dihadapi oleh anak-anak di samping bertanggungjawab dalam membimbing anak-anak menjadi insan yang berakhlak dan berguna. Manakala, bagi pihak berwajib pula, kerajaan perlu bertegas dalam menguatkuasakan undang-undang demi kepentingan dan kesejahteraan masyarakat. Dalam hal ini, undang-undang bukan sahaja perlu dikuatkuasakan tetapi mesti dilaksanakan tanpa rasa takut atau pilih kasih. Tambahan lagi, Lee Lam Thye (2016) juga menjelaskan, aspek pendidikan juga harus di ambil serius dalam usaha menangani jenayah. Hal ini kerana, pengendalian dan penganjuran pelbagai program kesedaran yang berterusan amatlah perlu dilakukan dalam usaha mendekati semua lapisan masyarakat serta mendidik golongan belia dan remaja menjauhi diri daripada gejala sosial yang boleh mendorong mereka untuk terlibat dalam kancah jenayah di masa hadapan. Selain itu, pihak sekolah juga perlu memperketatkan disiplin melalui bantuan semua pihak termasuk para guru, ibu bapa dan pihak berkuasa yang berkenaan.

Di atas kesedaran untuk bersama-sama membantu pihak berwajib membanteras jenayah dalam kalangan belia, maka kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk memahami pengetahuan, sikap dan amalan belia terhadap isu jenayah di Malaysia. Hal ini amat penting kerana dengan mengetahui pengetahuan, sikap dan amalan belia terhadap isu jenayah di Malaysia, ia akan dapat memberikan gambaran realiti tentang sejauhmanakah tahap pengetahuan, sikap dan amalan belia masa kini dalam menjauhi diri mereka dari terlibat dengan kancah jenayah. Dapatan kajian ini membolehkan pihak yang berwajib mengambil tindakan dan pendekatan yang sewajarnya dalam usaha menangani isu jenayah melibatkan golongan belia di Malaysia.

## SOROTAN LITERATUR

Pelakuan jenayah adalah di antara masalah sosial yang menunjukkan peningkatan di kebanyakan bandar-bandar di dunia termasuk di Malaysia sejak lebih daripada 20 tahun yang lalu (Nor-Ina *et al.*, 2013; Belinda Yuen, 2004). Peningkatan perlakuan jenayah ini bukanlah petunjuk kepada ketidakberkesanan langkah dijalankan, namun peningkatannya adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kesan daripada kemajuan sains dan teknologi serta faktor perbandaran (Sidhu, 2005; Nor-Ina *et al.*, 2013; Pokhariyal dan Muthuri, 2003). Kepelbagaian faktor yang mempengaruhi

peningkatan perlakuan jenayah ini menyebabkan permasalahan ini menjadi semakin rumit, kompleks dan bersifat global yang semakin sukar dibendung (Nor-Ina *et al.*, 2013). Menurut Laporan Tahunan GTP (2012), kadar jenayah di Malaysia masih berada pada kadar yang rendah berbanding dengan beberapa negara yang lain seperti di Afrika Selatan, United Kingdom, Amerika Syarikat, Singapura dan Hong Kong. Jika diteliti dari segi insiden jenayah bagi setiap 100,000 penduduk bagi negara terpilih secara perbandingan dengan Afrika Selatan, United Kingdom, Amerika Syarikat, Singapura dan Hong Kong, Malaysia dilaporkan masih berada pada kadar rendah iaitu sebanyak 550.1 insiden berbanding dengan Afrika Selatan (4,143.7 insiden), United Kingdom (6,498.5 insiden), Amerika Syarikat (3,811.7 insiden), Singapura (606.0 insiden) dan Hong Kong (1,139.0 insiden) (Laporan Tahunan GTP 2012).

Namun, berdasarkan kepada penelitian ke atas indeks jenayah bagi tempoh 1970 hingga 2008 memperlihatkan, kadar jenayah di Malaysia telah menunjukkan peningkatan sejak zaman 1970-an lagi. Bagi tempoh 1970 sehingga 2009, perlakuan jenayah di Malaysia adalah melibatkan jenayah harta benda iaitu sebanyak 80%, manakala 20% lagi adalah melibatkan jenayah kekerasan (Nor-Ina, 2006; Nor-Ina dan Norizan, 2007a, b; 2008a, b; 2009). Selain itu, menurut Nor-Ina *et al.* (2013), perlakuan jenayah di Malaysia menunjukkan peningkatan yang ketara dan mendadak pada tahun 2006 dan 2009 di mana jenayah jalanan merupakan penyumbang utama kepada peningkatan kadar jenayah pada tahun tersebut. Maka, adalah amat penting untuk membanteras dan menangani jenayah jalanan dengan segera kerana ia merupakan penyumbang utama yang mempengaruhi peningkatan indeks jenayah di Malaysia (Nor-Ina *et al.*, (2013).

Masalah sosial dan jenayah melibatkan golongan belia bukanlah satu isu yang baru di Malaysia. Hal ini kerana, golongan belia di Malaysia sering dikaitkan dengan pelbagai perilaku jenayah seperti samun, pecah rumah, curi motosikal, rogol dan penyalahgunaan dadah. Jika hal ini dibiarkan berterusan, ianya akan menjadi satu penyakit yang boleh mengganggu hala tuju serta pencapaian negara (Ramli Din, 2016). Oleh kerana itu, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berwajib dalam menangani jenayah melibatkan golongan belia ini. Antaranya adalah melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang merancang untuk mewujudkan satu program untuk menangani masalah belia yang berisiko terjebak dalam kancang jenayah. Program yang dirancang tersebut akan melibatkan kerjasama daripada badan bukan kerajaan (NGO) dan beberapa agensi yang berkaitan. Selain itu, KBS turut bercadang untuk menggunakan pendekatan kaunseling bagi mengetahui punca sebenar yang menyebabkan golongan belia berjinak dengan aktiviti yang boleh menjurus kepada masalah sosial dan jenayah (Khairy Jamaluddin, 2013). Dalam usaha menangani jenayah melibatkan golongan belia juga, masyarakat diminta memainkan peranan proaktif menyampaikan maklumat jenayah kepada polis dalam usaha semua pihak mengurangkan kadar jenayah. Sikap yang meletakkan tanggungjawab di bahu polis sepenuhnya perlu dikikis dan sebaiknya masyarakat bekerjasama dalam menyampaikan maklumat untuk menangani kes jenayah di

tempat masing-masing. Usaha dan kerjasama dengan pihak polis dalam memerangi jenayah adalah amat penting sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melihat kawasan kediaman yang lebih selamat dan bebas jenayah. Tambahan lagi, usaha pembangunan kerajaan dan kesejahteraan penduduk akan tercalar jika jenayah tidak diperangi habis-habisan (Ahmad Nazlan, 2014).

Peningkatan jenayah melibatkan golongan belia yang semakin meningkat hari demi hari ternyata membimbangkan. Penyalahgunaan dadah merupakan di antara jenayah yang sering dilakukan oleh golongan belia dan menunjukkan peningkatan saban tahun. Menurut Suhaimi Abdullah (2015), sebanyak 15,128 orang belia yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah pada tahun 2015 dan jumlah ini jelas menunjukkan peningkatan yang banyak berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Peningkatan tersebut dapat dilihat menerusi statistik terperinci yang dikeluarkan oleh AADK yang memperlihatkan, pada tahun 2014, jumlah penagih dadah yang terdiri daripada golongan belia berumur 16-29 tahun adalah sebanyak 9078 orang, manakala pada tahun 2013 pula adalah sebanyak 8027 orang. Tahun 2012 pula mencatatkan sebanyak 6729 orang, di samping tahun 2011 dan 2010 masing-masing sebanyak 10,644 dan 13,070 orang (AADK, 2014).

Menurut Buerah *et. al* (2015), dalam sesebuah negara yang maju dan bertamadun, golongan belia merupakan pewaris kepimpinan negara dan mereka perlu menyiapkan diri untuk menggalas peranan dan tanggungjawab yang besar. Golongan belia juga mempunyai potensi besar dalam mempengaruhi trend mahu pun sikap masyarakat dalam sesebuah negara. Namun, penglibatan golongan ini dalam penyalahgunaan dadah sangat membimbangkan semua pihak. Buerah *et. al* juga menjelaskan, perasaan ingin mencuba sesuatu yang baru, menghilangkan tekanan perasaan atau sekadar suka-suka pada mulanya adalah di antara faktor-faktor yang menyebabkan golongan belia terlibat dengan dadah. Faktor sekadar suka-suka pada mulanya dalam mencuba dadah mengakibatkan ketagihan yang melampau di akhirnya. Nur Afzan (2012) juga menjelaskan, penagihan dadah di Malaysia semakin hari semakin membimbangkan kerana ia bukan sahaja mengakibatkan kemusnahan diri individu, malah juga mengundang kepada masalah sosial yang lebih berat sehingga boleh menggugat ketenteraman, keharmonian dan pembangunan sesebuah negara. Situasi ini amat merugikan negara kerana sebilangan besar golongan yang terlibat adalah terdiri daripada golongan belia yang merupakan generasi pelapis yang akan mencorakkan pembangunan negara di masa hadapan.

Selain daripada penyalahgunaan dadah, jenayah yang banyak dilakukan oleh golongan belia juga adalah melibatkan salahlaku seksual seperti rogol, pembuangan bayi dan hamil anak luar nikah. Utusan Malaysia (2016) melaporkan, pada tahun 2015, sebanyak 3,980 orang remaja dan belia berusia di antara 10 hingga 19 tahun telah mengandungkan anak luar nikah. Manakala, laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula menunjukkan, jumlah pembuangan bayi di Malaysia adalah sebanyak 432 kes sejak tahun 2011 hingga Jun 2015 dengan kejadian kehamilan luar nikah menjadi punca utama terjadinya kes pembuangan bayi tersebut. Selain

itu, PDRM juga melaporkan, kurangnya kesedaran mengenai pengetahuan seks turut menjadi punca utama statistik kes rogol semakin meningkat (Utusan Malaysia, 2016). Menurut statistik yang dikeluarkan oleh (PDRM), sebanyak 93.5 peratus mangsa daripada 12,473 kes rogol pada tahun 2011 hingga Jun 2015 adalah melibatkan remaja dan belia yang berumur di antara 13 hingga 18 tahun. Dalam menangani jenayah salahlaku seksual oleh golongan remaja dan belia ini, Modul Pendidikan Reproduksi dan Seksual Remaja Lelaki akan diperkenalkan sebagai usaha menangani salahlaku seks dalam kalangan remaja dan belia di Malaysia. Modul tersebut merangkumi isu berkaitan dengan seks sebelum kahwin, variasi seks, kehamilan remaja, penderaan seksual dan penyakit kelamin (Utusan Malaysia, 2016).

Rasuah juga merupakan di antara jenayah yang banyak dilakukan oleh golongan belia. Hal ini dapat dilihat menerusi pelaporan akhbar Kosmo (2016) yang menunjukkan, seramai 1,045 daripada 1,902 individu yang terlibat dalam kegiatan rasuah sejak tahun 2013 adalah melibatkan golongan belia yang berumur 40 tahun ke bawah. Golongan belia yang terlibat dengan jenayah rasuah tersebut adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang kerjaya termasuk golongan profesional. Kebanyakan daripada golongan belia yang terlibat dengan jenayah rasuah tersebut berpendapat bahawa, memberi rasuah tidak akan dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa. Tanggapan ini harus diubah segera serta diperbetulkan sedari di peringkat sekolah lagi agar ia tidak berlarutan yang akhirnya akan menyumbang kepada peningkatan jenayah rasuah dari semasa ke semasa.

Kesimpulannya, adalah sangat mustahil untuk mengharapkan sebuah negara itu benar-benar bebas daripada sebarang kes jenayah. Namun, apa yang boleh dan mesti dilakukan adalah pengambilan semua langkah perlu dan harus untuk mencegah dan mengurangkan kes jenayah. Pencegahan jenayah adalah usaha yang merangkumi pelbagai sektor, disiplin dan tindakan yang bersepadu di mana ia dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Terdapat bukti yang jelas menunjukkan bahawa perancangan yang baik dan strategi yang betul bukan sahaja dapat mencegah jenayah daripada berlaku, malah dapat juga meningkatkan keselamatan masyarakat sekali gus menyumbang kepada pembangunan mampan negara. Tidak disangkal bahawa pihak kerajaan memikul tanggungjawab paling penting dan utama, tetapi harus diingat bahawa penyertaan aktif komuniti dan segmen lain dalam masyarakat sivil adalah penting dan kritikal dalam usaha menangani jenayah dengan lebih efektif (Lee Lam Thye, 2016).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan soal selidik dalam mendapatkan maklum balas daripada responden yang dikenal pasti. Responden yang terlibat di dalam kajian ini dipilih berdasarkan kepada persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yakni merujuk kepada responden yang mempunyai karakteristik dan ciri-ciri tertentu yang dikehendaki oleh pengkaji. Dalam konteks kajian ini, responden yang

terlibat perlu memenuhi tiga karakteristik iaitu; (1) merupakan belia yang berumur di antara 15-30 tahun; (2) belia yang menetap di empat zon yang ditentukan iaitu zon utara, selatan, timur dan tengah; serta (3) boleh membaca dan menulis dengan baik. Sebanyak 1000 orang responden yang terlibat di dalam kajian ini dan mereka merupakan golongan belia yang mewakili empat zon di Malaysia iaitu di zon utara, selatan, tengah dan timur. Setiap zon tersebut diwakili seramai 250 orang belia dan mereka melibatkan diri secara sukarela.

Dalam mengumpulkan data daripada responden melalui kaedah tinjauan ini, satu set borang soal selidik telah direka khas. Borang soal selidik tersebut dibangunkan sendiri oleh pengkaji berdasarkan kepada kajian literatur yang telah dilakukan secara mendalam oleh pengkaji. Borang soal selidik tersebut mengandungi dua versi iaitu versi Bahasa Melayu dan versi Bahasa Inggeris. Responden dibenarkan untuk memilih sama ada untuk menjawab soal selidik dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris mengikut kepada keselesaan mereka. Sebelum borang soal selidik tersebut diedarkan kepada 1000 orang responden yang dikenal pasti, pengkaji telah melakukan kajian rintis terlebih dahulu. Hal ini bertujuan untuk menentukan ciri-ciri soalan yang perlu diubah suai atau dikekalkan oleh pengkaji. Selain itu, kajian rintis tersebut juga dijalankan adalah untuk menguji kefahaman responden terhadap struktur ayat dan item-item tertentu yang terdapat di dalam borang soal selidik tersebut di samping meninjau masalah yang akan timbul sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis telah dijalankan sebulan sebelum kajian sebenar dilakukan dan ia melibatkan seramai 60 orang belia di Pulau Pinang. Analisa data daripada kajian rintis mendapati, responden memahami setiap soalan dan item yang terdapat di dalam borang soal selidik tersebut. Tiada sebarang pengurangan dan pertambahan soalan yang dilakukan oleh pengkaji ke atas borang soal selidik selepas kajian rintis dijalankan. Hanya pembetulan kecil dilakukan melibatkan susun atur borang soal selidik untuk tujuan pengurangan bilangan muka surat borang tersebut daripada 7 muka surat menjadi 6 muka surat sahaja.

Borang soal selidik yang diedarkan kepada responden mengandungi empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C, dan D. Responden diminta untuk menjawab keempat-empat bahagian tersebut. Bahagian A adalah soalan mengenai demografi responden, manakala Bahagian B pula adalah soalan mengenai pengetahuan responden tentang isu jenayah di Malaysia. Manakala, bahagian C dan D pula adalah soalan mengenai sikap dan amalan responden tentang isu jenayah pada masa kini. Soalan Bahagian A iaitu mengenai demografi responden mengandungi tiga item yang berkaitan dengan diri responden seperti jantina, umur dan taraf pendidikan. Soalan Bahagian B iaitu mengenai pengetahuan responden tentang isu jenayah di Malaysia mengandungi sebanyak 6 item. Soalan pada Bahagian B ini adalah berbentuk soalan terbuka di mana responden perlu menulis sendiri jawapan mereka di samping mereka dibenarkan untuk memberikan lebih daripada satu jawapan. Kesemua jawapan yang diberikan oleh responden di Bahagian B ini dianalisa secara tematik dahulu (kelompokan jawapan mengikut tema) sebelum dimasukkan ke dalam SPSS untuk dijalankan statistik diskriptif secara keseluruhan.

Soalan Bahagian C pula adalah mengenai sikap responden tentang isu jenayah pada masa kini yang mengandungi sebanyak 13 item. Bahagian ini menggunakan Skala Likert lima pilihan iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, neutral, setuju dan sangat setuju. Responden diminta untuk menanda (*tick*) hanya satu jawapan daripada lima pilihan tersebut sahaja. Soalan Bahagian D pula adalah mengenai amalan responden tentang isu jenayah pada masa kini yang mengandungi sebanyak 11 item. Bahagian ini juga menggunakan Skala Likert lima pilihan iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, neutral, setuju dan sangat setuju dan responden diminta untuk menanda (*tick*) hanya satu jawapan daripada lima pilihan tersebut sahaja. Kesemua data yang diperolehi daripada tinjauan soal selidik di analisa menggunakan perisian SPSS (Version 20) di mana statistik diskriptif dijalankan.

### DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian meliputi empat perkara utama iaitu (1) demografi responden; (2) pengetahuan responden tentang isu jenayah masa kini; (3) sikap responden tentang isu jenayah masa kini; serta (4) amalan responden terhadap isu jenayah masa kini di Malaysia.

#### *Demografi Responden*

Berdasarkan jantina, 63% daripada responden yang terlibat adalah perempuan dan hanya 37% responden lelaki yang terlibat dalam kajian ini. Hal ini adalah kerana, faktor kelapangan waktu yang dimiliki oleh banyak responden perempuan berbanding dengan responden lelaki yang ditemui oleh pengkaji ketika kajian ini dijalankan (sila rujuk Jadual 1).

**Jadual 1: Jantina Responden**

Jantina	Bilangan (%)
Lelaki	37%
Perempuan	63%

Dari segi umur, majoriti daripada responden yang terlibat adalah merupakan belia yang berumur dalam lingkungan 20 tahun hingga 24 tahun iaitu sebanyak 53%. Selebihnya iaitu sebanyak 30% pula adalah responden yang berumur dalam lingkungan 15 tahun hingga 19 tahun di samping 17% yang lain adalah responden yang berumur dalam lingkungan 25 tahun sehingga 30 tahun (sila rujuk Jadual 2).

**Jadual 2: Umur Responden**

Umur	Bilangan (%)
15-19 tahun	30%
20-24 tahun	53%
25-30 tahun	17%



Dari segi taraf pendidikan, majoriti responden mendapat pendidikan di peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu sebanyak 40%. Sebanyak 24% responden yang lain pula mendapat pendidikan di peringkat SPM, 21% responden di peringkat Diploma/STPM, 9% responden di peringkat SPM ke bawah, dan 6% responden di peringkat Sarjana dan ke atas (sila rujuk Jadual 3).

**Jadual 3: Taraf Pendidikan Responden**

<b>Taraf Pendidikan</b>	<b>Bilangan (%)</b>
SPM ke bawah	9%
SPM	24%
Diploma/STPM	21%
Ijazah Sarjana Muda	40%
Sarjana dan ke atas	6%

***Pengetahuan Belia Tentang Isu Jenayah Pada Masa Kini***

Hasil kajian mendapati, pengetahuan responden tentang isu jenayah masa kini di Malaysia adalah tinggi. Hal ini dapat dilihat apabila majoriti responden mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai definisi perilaku jenayah, perbuatan-perbuatan yang dikategorikan sebagai perilaku jenayah, kesan-kesan negatif akibat peningkatan kes-kes jenayah, faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan kes jenayah serta jenis-jenis perilaku jenayah yang paling banyak dilakukan oleh belia pada masa kini.

Majoriti daripada responden iaitu sebanyak 55% mendefinisikan perilaku jenayah sebagai perlakuan kesalahan yang melanggar undang-undang. Manakala, sebanyak 18% responden yang lain pula mendefinisikan jenayah sebagai perlakuan yang membahayakan dan mengganggu orang ramai. Sebanyak 17% responden lagi mendefinisikan jenayah sebagai perlakuan kesalahan, perbuatan negatif serta tidak bertanggungjawab. 4% responden mendefinisikan jenayah sebagai perlakuan kesalahan, perbuatan negatif dan tidak bertanggungjawab yang membahayakan dan mengganggu orang ramai.

Hasil kajian juga mendapati, jenayah didefinisikan sebagai perlakuan yang melanggar undang-undang, norma masyarakat, kepercayaan dan budaya masyarakat setempat (1%). Di samping itu, responden juga melihat jenayah sebagai aktiviti dan perlakuan yang melanggar batasan dan syariat agama (1%). Secara keseluruhannya, sebanyak 96% responden mengetahui akan maksud jenayah dan berjaya memberikan definisi yang tepat mengenai jenayah seperti yang dinyatakan oleh para sarjana dan pihak yang berwajib. 4% responden sahaja yang tidak mengetahui akan pengertian jenayah yang sebenar. Maklumbalas terperinci responden dapat dilihat pada Jadual 4.

**Jadual 4: Definisi Perilaku Jenayah**

Pengetahuan Tentang Isu Jenayah Masa Kini Di Malaysia	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
<b>1. Definisi Jenayah</b>		
a) Jenayah adalah perlakuan kesalahan yang melanggar undang- undang	553	55%
b) Jenayah adalah perlakuan yang membahayakan dan mengganggu orang ramai	184	18%
c) Jenayah adalah perlakuan kesalahan, perbuatan negatif serta tidak bertanggungjawab	171	17%
d) Jenayah adalah perlakuan kesalahan, perbuatan negatif, tidak bertanggungjawab yang membahayakan mengganggu orang ramai	43	4%
e) Jenayah adalah perlakuan yang melanggar undang-undang, norma masyarakat, kepercayaan dan budaya masyarakat setempat	7	1%
f) Jenayah adalah aktiviti dan perlakuan yang melanggar batasan dan syariat agama	6	1%
g) Tidak tahu	36	4%

Dari segi pengetahuan responden tentang perbuatan-perbuatan yang dikategorikan sebagai perilaku jenayah pula memperlihatkan, para responden telah menyenaraikan sebanyak 12 jenis perbuatan-perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai perilaku jenayah iaitu membunuh, mencuri, meragut, merogol, vandalisme, buli, penyalahgunaan dadah, lumba haram/merempit, jenayah siber (*hacker, spam, penipuan online*), pecah amanah, menculik serta mengambil dan memberi rasuah. Kesemua responden memberikan jawapan lebih daripada satu.

Hasil kajian mendapati, majoriti daripada responden iaitu sebanyak 80% menyatakan mencuri merupakan perbuatan yang dikategorikan sebagai perilaku jenayah. Selain itu, sebanyak 48% responden pula menyatakan membunuh merupakan perbuatan yang dikategorikan sebagai perilaku jenayah. Merogol juga merupakan perbuatan yang dikategorikan sebagai perilaku jenayah oleh responden (47%). Maklumbalas terperinci responden dapat dilihat pada Jadual 5.

**Jadual 5: Perbuatan-Perbuatan Dikategorikan Sebagai Perilaku Jenayah**

Pengetahuan Tentang Isu Jenayah Masa Kini Di Malaysia	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
<b>2. Perbuatan-perbuatan yang dikategorikan sebagai perilaku jenayah</b>		
a) mencuri	797	80
b) membunuh	475	48

c)	merogol	473	47
d)	meragut	213	21
e)	buli	148	15
f)	penyalahgunaan dadah (pengedaran/ penggunaan)	143	14
g)	vandalisme	125	13
h)	menculik	118	12
i)	jenayah siber ( <i>hacker, spam, penipuan online</i> )	114	11
j)	rasuah	112	11
k)	lumba haram/ merempit	59	6
l)	pecah amanah	28	3

\* Responden menyenaraikan lebih daripada satu perbuatan yang dikategorikan sebagai perilaku jenayah

Melihat dari segi pengetahuan responden tentang kesan-kesan negatif akibat peningkatan kes-kes jenayah memperlihatkan, majoriti responden iaitu sebanyak 35% menyatakan peningkatan kes-kes jenayah akan dapat menggugat keamanan negara. Manakala, 28% responden yang lain pula menyatakan peningkatan kes-kes jenayah juga boleh mencemarkan nama baik negara. Di samping itu, para responden juga menyatakan, di antara kesan-kesan negatif akibat peningkatan kes-kes jenayah juga adalah ia dapat menjejaskan ekonomi negara (20%), menggugat keselamatan orang awam (20%), menimbulkan ketakutan orang ramai (20%), meningkatkan masalah sosial dan keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat (18%), masyarakat dan generasi baru menjadi mundur (16%), negara menjadi mundur (16%), masyarakat berpecah-belah (8%), negara ditakuti pelancong luar (5%), mengorbankan banyak nyawa (5%) serta meningkatkan kadar pengangguran (1%). Maklumbalas terperinci responden dapat dilihat pada Jadual 6.

Jadual 6: Kesan-Kesan Negatif Akibat Peningkatan Kes Jenayah

Pengetahuan Tentang Isu Jenayah Masa Kini Di Malaysia	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
<b>3. Kesan-kesan negatif akibat peningkatan kes-kes jenayah yang berlaku pada masa kini</b>		
a) menggugat keamanan negara	347	35
b) mencemarkan nama baik negara	279	28
c) menjejaskan ekonomi negara	203	20
d) menggugat keselamatan orang awam	195	20
e) menimbulkan ketakutan orang ramai	204	20
f) meningkatkan masalah sosial dan keruntuhan akhlak	177	18
g) masyarakat/generasi baru menjadi mundur	159	16
h) negara menjadi mundur	164	16
i) masyarakat berpecah-belah	82	8

j)	negara ditakuti pelancong luar	53	5
k)	mengorban banyak nyawa	53	5
l)	meningkatkan kadar pengangguran	14	1

\* Responden menyenaraikan lebih daripada satu kesan negatif akibat peningkatan kes jenayah

Dari segi pengetahuan responden tentang faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan kes-kes jenayah pula memperlihatkan, majoriti responden iaitu sebanyak 44% menyatakan kurangnya didikan agama/moral adalah merupakan faktor utama yang menyebabkan peningkatan kes jenayah dalam kalangan belia pada masa kini. Di samping itu, sebanyak 35% responden menyatakan, kurangnya kasih sayang dan perhatian daripada keluarga juga adalah merupakan di antara faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan kes jenayah pada masa kini. Selain itu, majoriti responden juga menyatakan, kurang penguasaan undang-undang (25%), kurang pengetahuan dan kesedaran diri (22%), pengaruh rakan (21%) serta pengaruh media massa dan media sosial (16%) juga merupakan di antara faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan kes jenayah pada masa kini. Maklumbalas terperinci responden mengenai faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan kes jenayah dalam kalangan belia dapat dilihat pada Jadual 7.

**Jadual 7: Faktor-Faktor Peningkatan Kes Jenayah**

Pengetahuan Tentang Isu Jenayah Masa Kini Di Malaysia		Kekejapan (n)	Peratusan (%)
<b>4.</b>	<b>Faktor penyebab kes-kes jenayah semakin meningkat dan berleluasa</b>		
a)	kurang pendidikan agama/moral	440	44
b)	kurang kasih sayang dan perhatian keluarga	354	35
c)	kurang penguasaan undang-undang	246	25
d)	kurang pengetahuan/ kesedaran diri	220	22
e)	pengaruh rakan	211	21
f)	pengaruh media massa/sosial	159	16
g)	kesempitan hidup	134	13
h)	pengaruh persekitaran/budaya luar	64	6
i)	sifat ingin mencuba	57	6
j)	tekanan ekonomi	44	4
k)	pergaulan bebas	26	3

\* Responden menyenaraikan lebih daripada satu faktor penyebab peningkatan kes jenayah

Kajian literatur memperlihatkan, peningkatan kes-kes jenayah melibatkan golongan belia semakin meningkat dari semasa ke semasa dan ini mencetuskan kebimbangan semua pihak. Dalam melihat pengetahuan responden mengenai

isu jenayah pada masa kini, pengkaji juga mengemukakan dua soalan tambahan mengenai persepsi mereka terhadap (1) kenyataan yang mengatakan jenayah banyak dilakukan oleh belia; serta (2) jenis-jenis perilaku jenayah yang paling banyak dilakukan oleh belia.

Hasil kajian mendapati, 88% responden menyatakan persetujuan (ya) bahawa jenayah pada masa kini banyak dilakukan oleh golongan belia. Manakala, dapatan kajian mengenai jenis-jenis perilaku jenayah yang paling banyak dilakukan oleh belia pada masa kini pula memperlihatkan, responden menyenaraikan 10 jenis perilaku jenayah yang paling banyak dilakukan oleh belia. Sebanyak 61% responden menyatakan, mencuri merupakan jenayah yang paling banyak dilakukan oleh belia pada masa kini, diikuti dengan merogol (32%), penyalahgunaan dadah (29%), meragut (23%), buli (21%), membunuh (16%), lumba haram/merempit (14%), jenayah siber (*hacker; spam, penipuan online*) (12%), vandalisme (12%) serta berzina (7%). Maklumbalas terperinci responden mengenai jenis-jenis perilaku jenayah yang paling banyak dilakukan oleh belia pada masa kini dapat dilihat pada Jadual 8.

**Jadual 8: Jenis-Jenis Perilaku Jenayah Paling Banyak Dilakukan Belia**

Pengetahuan Tentang Isu Jenayah Masa Kini Di Malaysia	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
<b>5. Jenis-Jenis Perilaku Jenayah Paling Banyak Dilakukan Belia</b>		
a) mencuri	612	61
b) merogol	322	32
c) penyalahgunaan dadah (pengedaran/ penggunaan)	289	29
d) meragut	232	23
e) buli	206	21
f) membunuh	162	16
g) lumba haram/ merempit	137	14
h) jenayah siber ( <i>hacker; spam, penipuan online</i> )	120	12
i) vandalism	116	12
j) berzina	72	7

\* Responden menyenaraikan lebih daripada satu jenis perilaku jenayah yang banyak dilakukan belia

#### **Sikap Belia Tentang Isu Jenayah Pada Masa Kini**

Secara keseluruhannya, dapatan kajian memperlihatkan bahawa, sikap responden tentang isu jenayah pada masa kini adalah baik dan positif. Hal ini dapat dilihat apabila majoriti responden (1) memperlihatkan kepekaan dan keperihatinan yang tinggi terhadap isu jenayah yang berlaku di sekeliling mereka di samping (2) memberikan reaksi yang positif dalam usaha untuk menangani isu jenayah yang berlaku dalam kalangan belia pada masa kini.

Kepekaan dan keperihatinan responden yang tinggi terhadap isu jenayah yang berlaku di sekeliling mereka dapat dilihat apabila, majoriti daripada mereka menyatakan sangat setuju (44%) dan setuju (46%) bahawa kes-kes jenayah telah mencetuskan kebimbangan semua pihak. Selain itu, kepekaan dan keperihatinan responden yang tinggi terhadap isu jenayah yang berlaku di sekeliling mereka juga dapat dilihat apabila majoriti daripada mereka menyatakan sangat setuju (37%) dan setuju (39%) bahawa jenayah merupakan isu/perkara yang dipandang serius oleh pihak berkuasa. Selain daripada itu, responden menunjukkan kepekaan dan keperihatinan yang tinggi terhadap isu jenayah yang berlaku di sekeliling mereka apabila majoriti daripada mereka menyatakan sangat setuju dan setuju bahawa kes-kes jenayah menunjukkan peningkatan saban tahun, jenayah merupakan perkara dan topik utama yang dibincangkan oleh masyarakat masa kini serta jenayah banyak melibatkan dan dilakukan oleh belia. Maklumbalas terperinci responden dapat dilihat pada Jadual 9.

**Jadual 9: Kepekaan & Keperihatinan Responden Terhadap Isu Jenayah Yang Berlaku Di Sekeliling Mereka**

Sikap terhadap isu jenayah di Malaysia	Sangat Tidak Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Neutral (%)	Setuju (%)	Sangat Setuju (%)
a) Kes-kes jenayah mencetuskan kebimbangan semua pihak	0.7	0.7	8	46	44
b) Jenayah merupakan isu/perkara yang dipandang serius oleh pihak berkuasa	2	7	16	39	37
c) Kes-kes jenayah menunjukkan peningkatan saban tahun	1	1	16	50	32
d) Jenayah merupakan perkara dan topik utama yang dibincangkan oleh masyarakat masa kini	1	5	23	46	25
e) Jenayah banyak melibatkan dan dilakukan oleh belia	1	7	15	55	22

Manakala, dari segi reaksi positif responden dalam usaha untuk menangani isu jenayah yang berlaku dalam kalangan belia dapat dilihat apabila, majoriti responden menyatakan sangat setuju (60%) dan setuju (35%) bahawa jenayah haruslah ditangani dengan kadar segera. Di samping itu, reaksi positif responden dalam usaha untuk menangani isu jenayah yang berlaku dalam kalangan belia juga dapat dilihat apabila, sebanyak 54% responden menyatakan sangat setuju dan 39% responden yang lain menyatakan setuju bahawa jenayah boleh menjejaskan keharmonian negara dan kesejahteraan rakyat. Reaksi positif responden dalam usaha untuk menangani isu jenayah yang berlaku dalam kalangan belia juga dapat dilihat apabila majoriti responden menyatakan sangat setuju dan setuju bahawa jenayah boleh memberikan kesan negatif kepada kehidupan masyarakat, jenayah

perlu ditangani menggunakan pelbagai medium, jenayah boleh mengganggu gugat keselamatan negara serta jenayah merugikan ekonomi dan menjejaskan pendapatan negara. Maklumbalas terperinci responden dapat dilihat pada Jadual 10.

**Jadual 10: Reaksi Positif Responden Dalam Usaha Menangani Isu Jenayah**

Sikap terhadap isu jenayah di Malaysia	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju
	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)
a) Jenayah harus ditangani dengan segera	0.1	0.6	5	35	60
b) Jenayah boleh menjejaskan keharmonian negara dan kesejahteraan rakyat	0.7	0.9	6	39	54
c) Jenayah boleh memberikan kesan negatif kepada kehidupan masyarakat	0.2	2	9	37	52
d) Jenayah perlu ditangani menggunakan pelbagai medium	0.2	1	10	39	50
e) Jenayah merupakan tanggungjawab bersama di antara masyarakat dan pihak berkuasa untuk menanganinya	3	2	7	40	49
f) Jenayah boleh menggugat keselamatan negara	0.2	0.8	4	48	46
g) Jenayah merugikan ekonomi dan menjejaskan pendapatan negara	0.5	2	11	43	43
h) Jenayah boleh membantutkan pembangunan negara	1	2	11	46	40

#### ***Amalan Belia Tentang Isu Jenayah Pada Masa Kini***

Secara keseluruhannya, amalan responden tentang isu jenayah pada masa kini adalah positif. Hal ini dapat dilihat apabila majoriti responden (1) memperlihatkan tingkah laku yang positif dalam menjauhi perilaku jenayah; serta (2) memperlihatkan tingkah laku yang positif dalam membantu menangani jenayah.

Tingkah laku positif responden dalam menjauhi perilaku jenayah dapat dilihat apabila majoriti responden menyatakan sangat setuju (59%) dan setuju (31%) bahawa mempelajari ilmu agama dapat menjauhkan seseorang itu daripada terlibat dengan pelbagai kes jenayah. Di samping itu, sebanyak 56% responden menyatakan sangat setuju dan 36% responden yang lain menyatakan setuju bahawa mendengar nasihat dan teguran daripada ibu bapa juga boleh mengelakkan seseorang individu dari terjebak dengan perilaku jenayah. Majoriti responden juga iaitu sebanyak 50% menyatakan sangat setuju dan 41% yang lain menyatakan setuju bahawa melibatkan diri dengan aktiviti yang berfaedah akan dapat membantu seseorang individu

daripada terlibat dengan pelbagai kes jenayah. Maklumbalas terperinci responden dapat dilihat pada Jadual 11.

**Jadual 11: Tingkah Laku Positif Responden Dalam Menjauhi Perilaku Jenayah**

Sikap terhadap isu jenayah di Malaysia	Sangat Tidak Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Neutral (%)	Setuju (%)	Sangat Setuju (%)
<b>1. Untuk menjauhi perilaku jenayah, saya akan:</b>					
a) Mempelajari ilmu agama	0.1	2	8	31	59
b) Mendengar nasihat dan teguran ibu bapa	0.1	0.7	8	36	56
c) Melibatkan diri dengan aktiviti berfaedah	0.4	0.7	8	41	50
d) Berkawan dengan individu yang baik	0.2	2	9	43	47
e) Elakkan diri daripada melakukan perkara negatif	1	1	5	46	47
f) Elakkan diri dari bergaul dengan individu bermasalah	0.6	9	9	42	40
g) Tidak melakukan apa-apa	33	30	23	9	6

Manakala, dari segi tingkah laku positif responden dalam membantu menangani jenayah dapat dilihat apabila majoriti responden menyatakan persetujuan iaitu sangat setuju dan setuju bahawa mereka bersedia menyumbangkan tenaga untuk membantu menangani jenayah (75%), bersedia membantu pada bila-bila masa yang diperlukan dalam menangani jenayah (70%) serta amat berminat untuk membantu pihak berkuasa dalam menangani jenayah yang berlaku dalam kalangan belia (67%). Maklumbalas terperinci responden dapat dilihat pada Jadual 12.

**Jadual 12: Tingkah Laku Positif Responden Dalam Membantu Menangani Jenayah**

Dalam menangani isu jenayah, saya:	Sangat Setuju/ Setuju (%)
Bersedia menyumbangkan tenaga untuk membantu	75%
Bersedia membantu pada bila-bila masa yang diperlukan	70%
Amat berminat untuk membantu pihak berkuasa	67%

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengetahuan belia tentang isu jenayah masa kini di Malaysia adalah tinggi. Hal ini dapat dilihat apabila majoriti responden mempunyai



pengetahuan yang tinggi mengenai definisi perilaku jenayah, perbuatan-perbuatan yang dikategorikan sebagai perilaku jenayah, kesan-kesan negatif akibat peningkatan kes-kes jenayah, faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan kes jenayah serta jenis-jenis perilaku jenayah yang paling banyak dilakukan oleh belia. Pengetahuan yang tinggi tentang isu jenayah di Malaysia dalam kalangan belia berkemungkinan dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya adalah seperti pengendalian pelbagai program dan kempen kesedaran oleh pihak kerajaan mengenai pentingnya untuk menjauhi perilaku jenayah di samping pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan institusi pendidikan tinggi yang menekankan aspek penerapan nilai-nilai murni dan amalan berbudi bahasa yang boleh mencegah belia masa kini dari terlibat dengan pelbagai kes jenayah (Lee Lam Thye, 2016). Selain kedua-dua faktor tersebut, pendedahan dan pelaporan media massa juga merupakan di antara faktor yang boleh mempengaruhi tahap pengetahuan yang tinggi tentang isu jenayah oleh golongan belia. Hal ini dapat dilihat apabila media massa sama ada media cetak mahu pun media elektronik sentiasa berterusan memaparkan info-info berguna mengenai isu jenayah pada masa kini. Di antara info-info berguna tersebut yang dipaparkan oleh media massa adalah seperti info mengenai kesan dan akibat daripada pengambilan pil khayal dan penyalahgunaan dadah serta bahayanya perlakuan seks bebas yang disampaikan melalui drama pendek di televisyen dan iklan-iklan di dada-dada akhbar berbentuk poster (AADK, 2015; AADK, 2008).

Manakala, dari sudut sikap belia tentang isu jenayah pada masa kini pula memperlihatkan, ia adalah baik dan positif. Hal ini dapat dilihat apabila majoriti responden memperlihatkan kepekaan dan keprihatinan yang tinggi terhadap isu jenayah yang berlaku di sekeliling mereka di samping memberikan reaksi yang positif dalam usaha untuk menangani isu jenayah yang berlaku dalam kalangan belia pada masa kini. Sikap baik dan positif yang ditunjukkan oleh golongan belia ini merupakan petanda positif bahawa isu jenayah merupakan isu yang dipandang serius oleh golongan ini. Maka, adalah amat penting bagi pihak berwajib untuk berterusan membimbing dan melipatgandakan usaha untuk mempengaruhi belia menjauhi perilaku jenayah. Hal ini kerana, apabila sesuatu isu itu dianggap serius dan penting oleh golongan belia, maka akan menjadi lebih mudah untuk sesuatu maklumat itu disampaikan secara menyeluruh dan efektif kepada mereka. Ini adalah selari dengan fitrah golongan ini yang cenderung untuk mencari dan menggali maklumat dan info yang menjadi minat dan perhatian mereka lebih-lebih lagi dengan kepesatan teknologi yang membolehkan manusia mendapatkan maklumat dihujung jari (Jamilah & Nur Nasliza Arina, 2015).

Dari segi amalan responden tentang isu jenayah pada masa kini pula memperlihatkan, ia adalah positif. Hal ini dapat dilihat apabila majoriti responden memperlihatkan tingkah laku yang positif dalam menjauhi perilaku jenayah serta turut memperlihatkan tingkah laku yang positif dalam membantu menangani jenayah. Tingkah laku yang positif dalam menjauhi perilaku jenayah yang ditunjukkan oleh belia menggambarkan bahawa golongan ini berusaha mengawal tingkah laku mereka agar dapat menjauhkan diri daripada terlibat dengan jenayah.

Hal ini juga secara tidak langsung menggambarkan bahawa, golongan belia sedar akan perlunya menjaga tingkah laku dan peribadi diri agar mereka tidak terlibat dengan kancas jenayah yang bukan sahaja akan mendatangkan masalah kepada diri sendiri, malah juga mendatangkan masalah kepada keluarga dan negara. Selain itu, tingkah laku yang positif dalam membantu menangani jenayah yang ditunjukkan oleh golongan belia ini juga memberikan petanda positif bahawa mereka bersedia untuk berganding bahu dan bersama-sama membantu pihak berwajib dalam membanteras jenayah. Kesediaan dan kesudian mereka untuk membantu pihak berwajib menangani jenayah juga memberikan harapan dan petanda bahawa belia di Malaysia bersedia dalam menggembelng tenaga untuk memastikan kadar jenayah melibatkan golongan belia semakin menurun dan mengecil dari semasa ke semasa. Kesimpulannya, dalam merealisasikan hasrat untuk melihat jenayah yang melibatkan golongan belia mengalami penurunan dan mengecil jumlahnya dari semasa ke semasa, semua pihak harus memainkan peranan masing-masing dan tidak hanya mengharap pihak tertentu sahaja. Kerjasama dalam membanteras jenayah sewajarnya dipikul secara bersama tanpa mengira batas kaum, kedudukan dan kepercayaan politik agar ketenteraman awam terjamin sepanjang waktu (Utusan Malaysia, 2014).

#### RUJUKAN

- AADK. (2015). *Video Animasi Kesan Dadah Terkini*. Diambil daripada <https://www.youtube.com/watch?v=cXtACVDkShA&list=PLIKofLiBHd8cVLYfszqYwNwKvOqaVW84a>
- AADK. (2008). AADK Pergiut Kempen Kesedaran Jauhi Dadah. *Utusan Malaysia*. Diambil daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0212&sec=Selatan&pg=ws\\_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0212&sec=Selatan&pg=ws_02.htm)
- AADK. (2014). *Maklumat Dadah 2014*. Diambil daripada <http://www.adk.gov.my/html/laporandadah/2014/FINAL%20BUKU%20MAKLUMAT%20DADAH%202014.pdf>
- Ahmad Nazlan. (2014). Masyarakat perlu bekerjasama salurkan maklumat jenayah. *Utusan Malaysia*. Diambil daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Pahang/20140208/wp\\_03/Masyarakat-perlu-bekerjasama-salurkan-maklumat-jenayah](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Pahang/20140208/wp_03/Masyarakat-perlu-bekerjasama-salurkan-maklumat-jenayah)
- Belinda Yuen. (2004). *Safety and Dwelling in Singapore*. *Cities*, 21(1), 19-28.
- Buerah, T., Shahrin, H., Nur Afzan, M. & Maznah, A. (2015). Faktor Risiko Belia Terlibat Dalam Penyalahgunaan Dadah dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Belia Muslim Terpimpin. *JURNAL ANTIDADAH MALAYSIA*, 9(1).
- Kementerian Belia dan Sukan. (2015). *Dasar Belia Malaysia*. Diambil daripada [file:///C:/Documents%20and%20Settings/user/My%20Documents/Downloads/DBM\\_Booklet\\_2015L%20\(2\).pdf](file:///C:/Documents%20and%20Settings/user/My%20Documents/Downloads/DBM_Booklet_2015L%20(2).pdf)

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). Anggaran Penduduk Semasa Malaysia bagi tahun 2016. Diambil daripada file:///C:/Documents%20and%20Settings/user/My%20Documents/Downloads/Anggaran%20Penduduk%20Semasa,%20Malaysia%202016.pdf
- Jamilah, A. & Nur Nasliza Arina, M.N. (2015). Memperkasa Amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' Dalam Kalangan Gen Y Melalui Penggunaan Media Sosial. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Komunikasi, USM.
- Kameri Affandi. (2015). Belia aset negara. Utusan Sarawak. Diambil daripada <http://www.utusansarawakonline.com/news/30777/Belia-aset-negara/>
- Khairy Jamaluddin. (2013). KBS rancang program elak belia libat jenayah. Sinar Harian. Diambil daripada <HTTP://WWW.SINARHARIAN.COM.MY/NASIONAL/KBS-RANCANG-PROGRAM-ELAK-BELIA-LIBAT-JENAYAH-1.206524>
- Kosmo. (2016). 1,045 belia terlibat kegiatan rasuah sejak 2013. Diambil daripada [http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=0422&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt\\_30.htm](http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=0422&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt_30.htm)
- Laporan Tahunan GTP (2012). Jabatan Perdana Menteri. Diambil daripada <http://www.penaminang.com/2013/03/download-laporan-tahunan-etp-gtp-2012.html#axzz4f3cq3IvW>
- Lee Lam Thye. (2015). Kes juvenil meningkat, perlu perhatian semua pihak. *Utusan Malaysia*. Diambil daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kes-juvenil-meningkat-perlu-perhatian-semua-pihak-1.64169>
- Lee Lam Thye. (2016). Rancang strategi betul mencegah jenayah. *Utusan Malaysia*. Diambil daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/rancang-strategi-betul-mencegah-jenayah-1.425502>
- Mohd Najib, A.R. (2015). Teks Ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia Sempena Sambutan Hari Belia Negara 2015. Diambil daripada file:///C:/Documents%20and%20Settings/user/My%20Documents/Downloads/TEKS\_UCAPAN\_PM\_%20(1).pdf
- Mustafar Ali. (2016). 1,045 belia terlibat kegiatan rasuah sejak 2013. *Kosmo*. Diambil daripada [http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=0422&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt\\_30.htm](http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=0422&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt_30.htm)
- Mohd Najib, A.R. (2015). Dasar belia Malaysia baharu. *Berita Harian*. Diambil daripada <http://www.bharian.com.my/node/55057>
- Nor-Ina, K., Norizan, M.N. & Ruslan, R. (2013). Tinjauan Dasar Pengurangan Jenayah di Malaysia. *PROSIDING PERKEM VIII, JILID 1* (2013), 224 – 234.

- \_\_\_\_\_ (2009). Pelakuan Jenayah Harta Benda di Daerah Timur Laut Pulau Pinang: Trend dan Punca. Dlm. Mohd Fauzi, Y.(2009), Malaysia: Tranformasi dan Perubahan Sosial. Selangor Darul Ehsan: Arah Publication. m/s 131-147.
- \_\_\_\_\_ (2008a). Pelakuan Jenayah dari Perspektif Geografi: Satu Kajian kes di Daerah Timur Laut Pulau Pinang. Dlm. Hamirdin, I., Amer, S.G., Abdul Rahman, R., dan Rosmadi, F.(2008). Isu-isu Geografi Malaysia. Kuala Lumpur: Jabatan Geografi Universiti Malaya. m/s 214-233.
- \_\_\_\_\_ (2008b). Property Crime in Penang Island: A Case Study of Timur Laut Districts. International Conference on Social, Development and Environmental Studies “Global Change and Transforming Spaces”, Organised by School of Social, Development and Environmental Studies (PPSPP), Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, Danau Golf Club UKM, Bangi, 18-19 November 2008.
- Nor-Ina, K dan Norizan, M.N. (2007a). Pelakuan Jenayah dari Perspektif Geografi: Satu Kajian Kes di Daerah Timur Laut Pulau Pinang. Dibentangkan di Persidangan Geografi 2007 Universiti Malaya, “Memperkasakan Geografi di Malaysia: Isu dan Cabaran, Anjuran Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya Kuala Lumpur, Hotel Armada, Petaling Jaya Kuala Lumpur, 21-22 Ogos 2007.
- \_\_\_\_\_ (2007b). Jenayah dan Perbandaran: Satu Kajian di Daerah Timur Laut Pulau Pinang. Dibentangkan di Seminar Kebangsaan Geografi 2007 Universiti Perguruan Sultan Idris, “Dunia Tanpa Sempadan”, Anjuran Jabatan Geografi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dengan kerjasama Persatuan Geografi Universiti Pendidikan Sultan Idris, 10-11 September 2007.
- Nor-Ina, K. (2006). Pelakuan Jenayah dan Kaitannya dengan Kepesatan Perbandaran: Satu Kajian Kes di Negeri Pulau Pinang. Tesis Sarjana. Pulau Pinang:Universiti Sains Malaysia.
- Nur Afzan, M. (2012). Pendekatan Zikrullah Dalam Pembangunan Jiwa Pelatih Pusat Pemulihan Dadah. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Pokhariyal, G.P. and Muthuri, Rose K. (2003). Strategic Measures to Curb Crime Rates in Nairobi. *International Journal on World Peace*, Vol.xx(1), 55-69.
- Ramli Din. (2016). Kadar jenayah belia di Melaka meningkat. *Utusan Malaysia*. Diambil daripada <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kadar-jenayah-belia-di-melaka-meningkat-1.353720>
- Sidhu, A.S. (2005). The Rise of Crime in Malaysia: An Academic and Statistical Analysis. *Journal of the Kuala Lumpur Royal Malaysia Police College*, No.4, 1-28.

- Suhaimi Abdullah. (2015). Kes dadah meningkat sebanyak 883 di seluruh negara. *Sinar Harian*. Diambil daripada <http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/kes-dadah-meningkat-sebanyak-883-di-seluruh-negara-1.484096>
- Utusan Malaysia. (2016). 3,980 remaja hamil anak luar nikah. Diambil daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/3-980-remaja-hamil-anak-luar-nikah-1.380841>
- Utusan Malaysia. (2016). Kadar jenayah belia di Melaka meningkat. *Utusan Malaysia*. Diambil daripada <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kadar-jenayah-belia-di-melaka-meningkat-1.353720>
- Utusan Malaysia. (2015). Kes juvenil meningkat, perlu perhatian semua pihak. Diambil daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kes-juvenil-meningkat-perlu-perhatian-semua-pihak-1.64169>
- Utusan Malaysia. (2014). Masyarakat perlu bekerjasama salurkan maklumat jenayah. Diambil daripada [http://www1.utusan.com.my/utusan/Pahang/20140208/wp\\_03/Masyarakat-perlu-bekerjasama-salurkan-maklumat-jenayah](http://www1.utusan.com.my/utusan/Pahang/20140208/wp_03/Masyarakat-perlu-bekerjasama-salurkan-maklumat-jenayah)

***Profil Penulis******Jamilah Ahmad, Ph.D***

*Pusat Pengajian Komunikasi*

*Universiti Sains Malaysia*

*Email: jahmad@usm.my*

*Tel: 04-6533320*

*Fax: 04-6577736*

***Nurzali Ismail, Ph.D***

*Universiti Sains Malaysia*

*Email: nurzali@usm.my*

*Tel: 04-653 2640/2458*

*Fax: 04-6577736*

***Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir***

*Pelajar Doktor Falsafah (Komunikasi)*

*Pusat Pengajian Komunikasi*

*Universiti Sains Malaysia*

*Email: nasliza.usm@gmail.com*

*Tel: 016-4225354 / 04-6534143*